

Selamat menempuh alam baru



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

11/12/09 2012 84

MINGGU ini merupakan minggu pertama pengkuliah di kampus. Para Siswa siswi berasa sungguh teruja dengan suasana baharu yang dialaminya samada dari sudut pergaulan, berpakaian, berkomunikasi, personaliti dan sebagainya. Masing-masing mempunyai identiti tersendiri. Betapa seronoknya melihat karenah siswa siswi baharu apabila kali pertama memasuki dewan kuliah yang besar dan suasana yang sejuk. Keadaan tersebut amat berbeza dengan suasana minggu suai mesra yang semuanya memerlukan setiap orang mengejar masa dan memberikan implikasi stress kepada emosi mereka.

Kehidupan di kampus merupakan satu kehidupan yang baharu dan mencabar bagi semua orang. Ini disebabkan setiap orang

bertanggungjawab kepada diri masing-masing untuk menjaga tatakelakuan diri, kewangan, kepribadian dan sebagainya. Bagi siswa siswi kehidupan di kampus merupakan satu landasan untuk memulakan hidup sebagai seorang yang berfikiran matang dan rasional dalam setiap pemikirannya. Bagi golongan yang masih merasakan kehidupan di kampus tidak begitu sesuai dengan diri, mereka perlu mula memikirkan corak kehidupan yang lebih diingini supaya tidak berlaku kejutan budaya dan bersedia menerima perubahan diri secara beransur-ansur untuk memulakan kehidupan yang lebih mencabar. Ini disebabkan kehidupan di kampus memerlukan kecekapan dalam mengatur kehidupan samada untuk menghadiri kuliah, mencari bahan rujukan, bahan bacaan, berkawan, bersukan, rehat dan sebagainya.

Kehidupan di kampus memerlukan ketelitian dan bersedia untuk membuka minda dalam mendapatkan sesuatu yang berharga samada di dalam dewan

kuliah, di kolej kediaman mahupun di dalam kegiatan ko-kurikulum. Bukan mudah untuk bergelar seorang siswa siswi kerana terpaksa berhadapan dengan tugas yang mencabar yang diberikan oleh tenaga pengajar. Untuk memndapatkan ilmu seseorang itu perlu melihat keupayaan diri sendiri samada seorang yang bersedia untuk menempuhi kesukaran atau sebaliknya.

Bak kata orang semangat tengah membara, motivasi tengah berkobar-kobar untuk berjuang mengejar segulung ijazah dan menimba sebanyak mungkin ilmu. Sudah tentu alang kepalang semangat muda untuk bergelar siswa siswi. Dalam meneliti liku-liku kehidupan di universiti bukan semudah yang disangkakan. Kita sedia maklum bahawa corak perbezaan proses pembelajaran adalah dengan alam pembelajaran di kampus universiti. Di kampus pembelajaran di dalam kelas bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir selewat jam 11 malam.

Adalah tidak mustahil sekiranya pelajar-pelajar baharu berasa pelik dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan sistem yang baru dialaminya. Apatah lagi peredaran malam dan siang terlalu cepat, bagi masyarakat Sabah dan Sarawak perkara tersebut sudah menjadi lumrah namun bagi pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia berasa hairan dan sudah tentu mengalami masalah untuk tidur yang secukupnya. Lantaran itu ada sesetengah siswa siswi mula merasakan kepedihan emosi apabila berjauhan dengan keluarga sehinggakan sanggup mengundur diri daripada pengajian. Adalah sesuatu yang janggal sekiranya alasan kewangan, tidak boleh berjauhan daripada keluarga, malas dan sebagainya diberikan semata-mata kerana perasaan homesick timbul. Agak kurang sesuai bagi siswa siswi yang telah mula mengorak langkah ke hadapan untuk berpatah balik ke belakang kerana tenggelam dengan emosi yang sebegitu. Di manalah silapnya asuhan ibu bapa sehinggakan

anak-anak tidak berupaya untuk berjauhan dan memulakan hidup berdikari? Itu pun berdikari dalam mengejar segulung ijazah. Alangkah kecewanya apabila pengorbanan belajar selama 13 tahun untuk menyambung ke peringkat universiti terpaksa ditolak kerana tidak tahan menanggung emosi rindu pada keluarga. Betapa kecewanya setiap pengorbanan ibu bapa yang ingin melihat anaknya belajar sehingga ke universiti dan mendapat segulung ijazah terpaksa di ketepikan kerana kesilapan mendidik anak-anak peringkat awal untuk lebih berdikari tidak terlaksana. Lantaran itu bagi yang mula melihat universiti adalah gedung ilmu, maka sahutlah seruan untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar yang mempunyai intelektual yang tinggi, matang dalam berfikir, rasional dalam bertingkah laku, sopan dalam berbicara dan melihat peluang yang terbuka luas di depan mata demi masa depan yang cerah.

Justeru itu ubahlah gaya dan

personaliti anda supaya mudah didampingi dan menjadi seorang yang sukakan cabaran walau dimana sahaja anda berada. Justeru itu, anda juga semakin dewasa dan matang dalam menghadapi setiap cabaran dan dugaan dalam proses mendapatkan segulung ijazah. Jangan dilupakan juga budi bahasa budaya kita sentiasa dipegang erat, walau setinggi mana pangkat yang diberikan, sebagai warganegara Malaysia berdaulat budi bahasa patut diamalkan. Justeru itu, sekalung tahniah kepada anda sekalian sebagai siswa siswi yang baharu memulakan pengajian di Universiti di Negeri Di Bawah Bayu, semoga bayu yang indah mencorakkan budi pekerti masyarakatnya dapat menceria dan menghibur hati anda dikala duka bertandang dihati mengingati kampung halaman tercinta. Selamat menempuhi alam baru dan fasa yang tertinggi dalam diari akademik anda.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS